

SOALAN LAZIM

PROGRAM KHIDMAT KAUNSELING UNTUK AHLI BADAN PEGUAM MALAYSIA

A. Menghubungi Kaunselor Panel

- (1) **Saya ingin mendapatkan khidmat kaunseling menurut kepada kerjasama antara Badan Peguam Malaysia dan Lembaga Kaunselor. Di manakah saya boleh mendapatkan senarai kaunselor panel?**

Senarai kaunselor panel boleh didapati [di sini](#) di laman web Badan Peguam Malaysia. Senarai ini akan dikemas kini dari masa ke masa, apabila terdapat perubahan yang dibuat oleh Lembaga Kaunselor.

- (2) **Bagaimanakah saya boleh membuat janji temu dengan kaunselor panel pilihan saya?**

Anda boleh menghubungi mana-mana kaunselor panel seperti dalam senarai kaunselor panel untuk membuat janji temu dengan menggunakan alamat emel atau nombor telefon yang terdapat dalam senarai tersebut. Anda haruslah memaklumkan kaunselor panel bahawa anda adalah Ahli Badan Peguam Malaysia, dan anda ingin mendapatkan perkhidmatan kaunseling dalam rangka Memorandum Persefahaman antara Badan Peguam Malaysia dan Lembaga Kaunselor.

Sesi-sesi kaunseling akan diadakan di alamat yang diberikan dalam senarai kaunselor panel ataupun secara maya.

- (3) **Adakah pelatih dalam kamar termasuk di bawah program ini?**

Pelatih dalam kamar tidak termasuk di bawah program ini.

B. Berjumpa dengan Kaunselor Panel untuk Kali Pertama

- (4) **Apakah yang akan ditanya oleh kaunselor panel?**

Kaunselor panel akan meminta untuk melihat Kad Pengenalan (“KP”) anda, dan akan memastikan anda adalah Ahli Badan Peguam Malaysia dengan memeriksa butiran anda [di sini](#) di laman web Badan Peguam Malaysia.

- (5) **Adakah saya akan dikehendaki menandatangani apa-apa dokumen?**

Ya, anda akan dikehendaki menandatangani satu borang kebenaran pada janji temu yang pertama. Borang kebenaran ini menggariskan hubungan antara anda dan kaunselor panel, dan akan digunakan sebagai rekod di bawah program khidmat kaunseling.

C. Jangka Masa Sesi Kaunseling

(6) Berapa lamakah setiap sesi kaunseling dijalankan?

Satu sesi kaunseling akan mengambil masa lebih kurang 40 hingga 60 minit, bergantung kepada budi bicara kaunselor panel.

D. Yuran

(7) Berapakah sesi kaunseling yang boleh saya hadiri di bawah program ini?

Jumlah sesi kaunseling akan ditentukan oleh kaunselor panel. Badan Peguam Malaysia akan membayar untuk maksimum **lima sesi** kaunseling untuk seorang Ahli sepanjang tempoh program ini (lihat perkara (12) di bawah).

(8) Bagaimana jika saya perlukan lebih daripada lima sesi kaunseling?

Sekiranya kaunselor panel berpendapat bahawa anda memerlukan lebih daripada lima sesi, anda perlu membayar kos sesi-sesi tambahan pada kadar RM200 per sesi.

Sekiranya anda memerlukan Badan Peguam Malaysia untuk membayar sesi-sesi kaunseling tambahan, anda boleh meminta kaunselor panel untuk menghantar permohonan secara bertulis (yang menyatakan sebab-sebab permohonan tersebut) kepada Lembaga Kaunselor. Permohonan tersebut akan dimaklumkan kepada Badan Peguam Malaysia, yang akan mempertimbangkan setiap permohonan bergantung kepada kes-kes yang diterima, **tanpa mengetahui identiti Ahli berkenaan**. Keputusan yang dibuat oleh Badan Peguam Malaysia adalah muktamad.

E. Menghentikan Perkhidmatan Kaunseling

(9) Bolehkah saya menghentikan sesi kaunseling?

Ya, anda boleh menghentikan sesi kaunseling pada bila-bila masa. Badan Peguam Malaysia hanya akan membayar untuk sesi kaunseling yang telah dijalankan.

F. Menukar Kaunselor Panel

(10) Bolehkah saya menukar kaunselor panel?

Sekiranya anda ingin menukar kaunselor panel anda, anda perlu menamatkan perkhidmatan dengan kaunselor panel anda yang sedia ada, dan mendapatkan kebenaran daripada Lembaga Kaunselor sebelum anda mendapatkan sesi kaunseling daripada kaunselor panel yang baharu.

Di bawah program ini, anda hanya boleh mendapatkan perkhidmatan kaunseling daripada seorang kaunselor panel pada satu-satu masa. Anda tidak boleh mendapatkan perkhidmatan kaunseling daripada kaunselor panel yang berbeza secara serentak.

Badan Peguam Malaysia hanya akan membayar untuk lima sesi kaunseling (secara terkumpul) untuk seorang Ahli sepanjang program ini, tanpa mengambil kira sama ada sesi-sesi ini diberikan oleh lebih daripada seorang kaunselor panel.

G. Kerahsiaan

(11) Adakah kaunselor panel akan mendedahkan butiran peribadi saya kepada Majlis Peguam?

Kaunselor panel akan menghantar nama anda dan tarikh perkhidmatan kaunseling yang telah diberikan, kepada Lembaga Kaunselor. Lembaga Kaunselor kemudiannya akan mengeluarkan invois kepada Majlis Peguam untuk perkhidmatan yang telah diberikan, **tanpa memberikan apa-apa maklumat peribadi yang akan mendedahkan identiti anda**. Majlis Peguam tidak akan tahu bahawa anda telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling di bawah program ini.

Yakinlah bahawa maklumat peribadi anda hanya akan diketahui oleh kaunselor panel dan Lembaga Kaunselor.

H. Tamat Tempoh atau Penamatan Program Ini

(12) Bilakah program ini akan tamat tempohnya?

Memorandum Persefahaman yang terkini dengan Lembaga Kaunselor akan tamat tempohnya pada 6 Apr 2025.

Ahli-ahli yang masih belum selesai mendapatkan perkhidmatan kaunseling sebelum tarikh tamat tempoh masih berhak untuk mendapatkan maksimum lima sesi yang dibayar oleh Badan Peguam Malaysia, dengan syarat sesi-sesi kaunseling tersebut dapat diselesaikan **dalam masa tiga bulan** selepas tarikh tamat tempoh.

I. Pertanyaan atau Aduan

(13) Siapakah yang saya boleh hubungi sekiranya saya mempunyai pertanyaan atau aduan berkenaan dengan program in?

Sila hubungi Lembaga Kaunselor di 03-8323 2522 atau melalui e-mel di mum_taz01@yahoo.com.

(14) Siapakah yang saya boleh hubungi sekiranya saya tidak berpuas hati dengan perkhidmatan kaunselor panel?

Sila hubungi Lembaga Kaunselor di 03-8323 2522 atau melalui e-mel di mum_taz01@yahoo.com, sekiranya anda mempunyai aduan mengenai kaunselor panel yang tertentu.

(Sebagaimana pada 13 Jun 2023)